

Tahanan Pencegahan di Malaysia: Asas Pertimbangan Pelaksanaan Menurut Perspektif Islam

Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar

Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
shaiffudin.abubakar@gmail.com

Mohd Al Adib Bin Samuri

Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
al_adib@ukm.edu.my

Wafaa Binti Yusof

Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
wafaa@ukm.edu.my

Abdul Basir Mohamad

Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
abasir@ukm.edu.my

Abstrak

Tahanan pencegahan merupakan salah satu instrumen yang digunakan oleh pihak berkuasa di Malaysia dalam usaha mencegah jenayah yang boleh mengganggu-gugat keselamatan rakyat dan kedaulatan negara. Di Malaysia, terdapat tiga akta yang memperuntukkan pelaksanaan tahanan pencegahan iaitu; (i) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Khas) 1985 (Akta 316); (b) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) (Akta 297); dan (c) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) (Akta 769). Timbul persoalan status keabsahan pelaksanaan tahanan pencegahan menurut undang-undang Islam yang memerlukan kepada kajian tuntas terhadap asas pelaksanaannya. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pengumpulan data serta maklumat menerusi analisis kandungan secara deskriptif termasuk analisis terhadap Akta 316, Akta 297 dan Akta 769. Selain itu, penyelidik juga menelusuri kitab-kitab fiqh kontemporari bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih tuntas memandangkan subjek kajian adalah suatu instrumen baharu dilaksanakan negara. Hasil kajian mendapati bahawa pelaksanaan tahanan pencegahan mempunyai asas dalam pelaksanaannya menurut fiqh Islami menerusi penerapan konsep *hifzu al-dawlah*, *fiqh al-muwazanah* dan *fiqh al-ma'alat*.

Kata kunci: Tahanan pencegahan, instrumen, fiqh muwazanah, *hifzu al-dawlah*, *fiqh al-maa'lat*

Article Progress

Received: 20 April 2025

Revised: 28 April 2025

Accepted: 7 May 2025

* Corresponding
Authors:

**Muhammad
Shaiffudin Bin Abu
Bakar**

E-mail:
shaiffudin.abubakar@
mail.com

Abstract

Preventive detention is one of the instruments used by authorities in Malaysia to prevent the widespread of crimes that could threaten the safety of the people and the sovereignty of the country. In Malaysia, there are three acts that provide for the implementation of preventive detention, namely; (i) the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 (Act 316); (b) the Prevention of Crime Act 1959 (POCA) (Act 297); and (c) the Prevention of Terrorism Act 2015 (POTA) (Act 769). This raises the question of the validity of the implementation of preventive detention according to Islamic law, which requires a thorough study of its foundation. The methodology of this study uses a qualitative approach with data collection and information through content analysis descriptively, including an analysis of Act 316, Act 297, and Act 769. Additionally, the researcher also explores contemporary fiqh books to obtain more comprehensive findings, as the subject of this study is a relatively new instrument in society. The study findings suggest that the implementation of preventive detention has a foundation in its execution according to Islamic jurisprudence, through the application of hifzu al-dawlah, fiqh al-muwazanah and fiqh al-ma'alat.

Keywords: Preventive detention, instrument, fiqh muwazanah, hifzu al-dawlah, fiqh al-ma'alat

Pendahuluan

Dalam usaha untuk mengekalkan keselamatan dan keamanan negara, pelaksanaan tahanan pencegahan sering dianggap sebagai langkah yang perlu terutamanya dalam menghadapi ancaman seperti keganasan dan jenayah terancang. Namun, ia menjadi fokus perdebatan yang signifikan dalam kalangan masyarakat, pembuat dasar dan aktivis hak asasi manusia. Emanuel Gross (2001) mentakrifkan tahanan pencegahan sebagai suatu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh eksekutif terhadap seseorang individu tanpa melalui perbicaraan di mahkamah. Carian penyelidikan menerusi prosiding mahkamah di Malaysia turut menemui terma-terma lain yang digunakan oleh mahkamah dalam mendefinisikan tahanan pencegahan.

Dalam kes *Yazid bin Sufaat and Others v Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia* [2009] MLJU 734, Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan, Yang Arif Hakim Mohd Ghazali Mohd Yusoff memetik penghakiman dalam kes

Anukul Chandra Pradhan v Union of India 1997 SC 2814 menggunakan terma tahanan individu atas dasar pencegahan. Tahanan tanpa bicara turut didefinisikan sebagai tahanan pencegahan menerusi oleh Hakim Mahkamah Persekutuan, Yang Arif Hakim Nallini Pathmanathan dalam kes *Rovin Joty a/l Kodeeswaran v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors and other appeals [2021] 2 MLJ 822*. Selain itu, terma ‘tahanan dengan kuasa eksekutif’ turut digunakan oleh Yang Arif Vernon Ong sebagaimana dalam kes *Selva Vinayagam a/l Sures v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2021] 1 MLJ 601* dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada menteri untuk megarahkan penahanan individu menerusi Seksyen 8(1) Akta 82.

Permasalahan Kajian

Kebanyakan literatur di Malaysia memfokuskan perbincangan berkaitan instrumen tahanan pencegahan menerusi kacamata undang-undang sivil dan hak asasi manusia. Di antara hasil kajian yang telah dilakukan ialah kajian yang dilakukan oleh Govindraju & Ahmad (2023) yang telah mengkaji berkaitan penerapan undang-undang pencegahan dalam menangani isu-isu ekstremisme dan keganasan dalam usaha menjaga keamanan negara dan keselamatan warganya. Terdapat juga kajian yang menekankan keperluan terhadap pembaharuan undang-undang yang sedia ada serta penambahbaikan terhadap proses semakan kehakiman dan perlindungan hak asasi manusia (Hassan, 2018).

Selain itu, kajian yang dilakukan memfokuskan kepada akta-akta di bawah undang-undang pencegahan. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Nurhafilah Musa (2015) yang mengkaji berkaitan ulasan perundangan terhadap Akta Pencegahan Keganasan 2015 (Akta 769). Menurutnya, meskipun terdapat impak dan implikasi yang positif daripada pelaksanaan Akta 769, namun beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap kemungkinan terdapat kelompangan yang ada pada akta tersebut serta penyelesaian terhadap is-isu yang melibatkan hak asasi manusia.

Terdapat juga kajian di mana tahanan pencegahan yang melibatkan kanak-kanak di bawah undang-undang di Malaysia telah menjadi minat khusus bagi sesetengah penyelidik dengan mengetengahkan pembaharuan dalam usaha memastikan perlindungan kanak-kanak dan menegakkan hak mereka (Mustaffa et al., 2020). Demikian juga perbincangan berkaitan langkah-langkah tambahan bagi tujuan pencegahan seperti pemakaian alat

23 Tahanan Pencegahan di Malaysia: Asas Pertimbangan Pelaksanaan Menurut Perspektif Islam

pengawasan elektronik diteroka sebagai suatu bentuk model kawalan jenayah di Malaysia.

Kajian-kajian berkaitan instrumen tahanan pencegahan lebih menjurus kepada perundangan sivil dan juga pertimbangan hak asasi manusia. Namun, perbincangan berkaitan pelaksanaan instrumen ini menurut kacamata syariat masih kurang dilakukan. Artikel ini akan membincangkan berkaitan asas pertimbangan kewajaran pelaksanaan tahanan pencegahan menurut perspektif Islam.

Objektif Kajian

- Menganalisis pertimbangan pelaksanaan tahanan pencegahan menurut perundangan sivil di Malaysia;
- Wacana terhadap kewajaran pelaksanaan tahanan pencegahan; dan
- Menganalisis asas pertimbangan pelaksanaan tahanan pencegahan menurut fiqh Islami.

Persoalan Kajian

- Apakah asas pertimbangan dalam pelaksanaan instrumen tahanan pencegahan di Malaysia?
- Apakah isu-isu yang terdapat dalam pelaksanaan tahanan pencegahan di Malaysia?
- Apakah pendekatan yang digunakan menurut perspektif Islam terhadap pelaksanaan instrumen tahanan pencegahan?

Kajian Literatur

Parlimen Malaysia diberi kuasa berdasarkan peruntukan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi menggubal dan menguatkuasakan sesuatu akta dengan tujuan untuk mencegah dan menghentikan apa-apa tindakan yang boleh mengganggu-gugat keamanan dan keharmonian masyarakat. Perkara 149 adalah menjadi punca kuasa kepada Parlimen bagi menggubal undang-undang yang bersifat pencegahan yang bertujuan; (i) menyekat perbuatan keganasan terhadap orang atau harta, atau menimbulkan ketakutan terhadap masyarakat awam; (ii) menimbulkan perasaan tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau kerajaan; (iii) perlakuan yang

menggalakkan perasaan niat jahat dan permusuhan di antara kaum yang boleh mendorong kepada keganasan; (iv) kelakuan yang menuntut perubahan dengan cara yang salah menurut undang-undang; (v) perkara yang memudaratkan penyenggaraan atau perbekalan atau perkhidmatan kepada orang awam; (vi) perkara yang memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan (Shamrahayu, 2016).

Menerusi peruntukan yang sama, kerajaan boleh menggubal undang-undang yang bertujuan menyekat kebebasan hak asasi seseorang individu yang merangkumi kebebasan diri, kebebasan untuk bergerak, kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan, serta hak untuk memiliki harta. Namun, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Artikel 149 memperuntukkan kuasa yang luas kepada Parlimen bagi menggubal undang-undang yang mungkin secara jelas dan secara sah telah melanggar hak asasi manusia serta bercanggah dengan peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan; antaranya Artikel 5 (Lim Jiet, t.t.). Dalam nada yang sama, Nurhafilah (2017) turut berpandangan penggubalan Akta 769 yang dibuat berdasarkan peruntukan Artikel 149 mengandungi peruntukan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Artikel 5,9,10 dan 13.

Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan telah melalui fasa-fasa yang berbeza dalam tafsiran berkaitannya. Asas utama peruntukan ini adalah untuk melindungi nyawa seseorang individu serta menjamin kebebasan peribadi seseorang individu daripada sebarang tindakan pentadbiran, bukan tindakan perundangan. Tafsiran tersebut telah digunakan secara konsisten oleh sistem perundangan yang dilihat sempit dan literal tafsirannya. Dalam kes *Government of Malaysia & Ors v Loh Wai kong* [1979] 2 MLJ 33 memutuskan bahawa terma “kebebasan dirinya” dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan adalah bermaksud kebebasan yang berkaitan atau mengenai seseorang individu atau tubuh badan seseorang, tetapi artikel tersebut juga tidak memberikan hak asas kepada seseorang yang mempunyai kewarganegaraan untuk meninggalkan negara.

Namun, semenjak tahun 1996, tafsiran berkaitan Perkara 5 telah melalui fasa-fasa perkembangan terhadap tafsirannya. Mahkamah Rayuan Malaysia telah mengambil petunjuk menerusi kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah India berkaitan Artikel 21 dan Artikel 143 Perlembagaan India yang telah ditafsirkan oleh mahkamah secara lebih bebas demi kepentingan rakyat. Di antara perubahan yang dilakukan di Mahkamah India ialah:

- (1) *procedure is encompassed as well as substantive law;*
- (2) *(2) if a particular procedure prescribed by written law is found to be arbitrary or unfair or the procedure adopted in a given case is held to be unfair, then generally speaking it must be struck down as offending the constitutional guarantee.*

Di Malaysia, Mahkamah Rayuan juga telah mengadaptasi perkembangan tafsiran yang semakin luas sebagaimana dalam kes *Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and Another Appeal [1996] 1 MLJ 481*.

Akta yang Memperuntukkan Tahanan Pencegahan di Malaysia

Terdapat tiga akta yang memperuntukkan tahanan pencegahan sebagai satu instrumen pencegahan iaitu; (a) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316); (b) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) (Akta 297); dan (c) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) (Akta 769).

a. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316)

Akta 316 merupakan satu undang-undang yang bertujuan menangani isu-isu berkaitan dadah berbahaya di dalam negara yang dikuatkuasakan pada 15 Jun 1985. Penggubalan akta ini adalah sebagai suatu bentuk tindak balas terhadap kebimbangan yang semakin meningkat berkaitan aktiviti dadah merangkumi langkah-langkah khusus dan tindakan pencegahan yang spesifik bagi mengawal pengeluaran, pengedaran dan penyalahgunaan bahan berbahaya.

Seksyen 3(1) memperuntukkan kuasa yang luas terhadap pegawai polis untuk; menahan tanpa waran, menangkap mana-mana orang jika dia mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan siasatan diadakan mengenai kes orang tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 6(1). Namun, terdapat pandangan berbeza yang menyatakan bahawa tiada pencegahan khusus yang diguna pakai oleh pihak PDRM dalam melaksanakan pencegahan, tetapi menggunakan Akta 315 sebagai tunjang dalam usaha pencegahan jenayah dadah (Halimi, 2019).

Sejak dikuatkuasakan pada tahun 1985 sehingga 30 Mac 2015, sebanyak 31,691 perintah telah dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri di bawah Akta 316. 20,312 daripada jumlah tersebut adalah merupakan perintah tahanan manakala bakinya sebanyak 11,397 ialah Perintah Sekatan. Tiga perkara menjadi kritikan pertubuhan hak asasi manusia berkaitan Akta 316 iaitu; (a) penyalahgunaan kuasa; (b) keberkesanan pencegahan; dan (c) transparensi dan keadilan (Hansard Dewan Rakyat, 28 Februari 2015 – DN-28022015).

b. Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297)

Tujuan utama Akta 297 adalah untuk mencegah, mengurangi dan membanteras kegiatan jenayah tertentu, terutama yang terkait dengan kejahatan berorganisasi, kegiatan keganasan dan kegiatan jenayah berat lainnya. Peningkatan jenayah yang melibatkan kekerasan telah menimbulkan suasana yang menakutkan (*fear of crime*) dalam kalangan masyarakat. Sekiranya perkara ini tidak ditangani, keadaan dibimbangi akan bertambah runcing, mangsa akibat jenayah kekerasan akan semakin meningkat dan akhirnya masyarakat akan semakin bertambah takut dan hidup dalam keadaan tidak tenteram dan aman (Mohamad Shariff & Asidah Ali (2021). Nur farhana (2021) turut berpandangan, meskipun data jenayah pecah rumah yang diberikan oleh PDRM bagi tahun 2015-2020 telah menunjukkan penurunan, namun masyarakat awam masih sangsi terhadap data tersebut yang mengakibatkan kehidupan mereka diselubungi dengan ketakutan dan mengganggu kualiti kehidupan mereka. Akta 297 memberikan kuasa kepada pihak berkuasa untuk menahan individu yang dianggap berpotensi melakukan jenayah berat. Hal ini boleh dirujuk menerusi Seksyen 3(1) yang memberikan kuasa kepada pihak berkuasa bagi menahan tanpa keperluan waran terhadap mana-mana individu yang dipercayai terdapat alasan untuk disiasat. Kewujudan Lembaga Pencegahan Jenayah (CCA) Akta 297 memperkenalkan Lembaga Pencegahan Jenayah (*Crime Prevention Board*) yang bertugas meninjau dan memutuskan penahanan pencegahan terhadap individu yang dianggap berbahaya. Lembaga ini terdiri dari sekelompok orang yang dilantik oleh Menteri. Akta 297 juga memberikan mekanisme pengawasan pasca-tahanan terhadap individu yang dibebaskan dari penahanan pencegahan.

Individu tersebut dapat dikenakan kewajipan untuk melaporkan keberadaan mereka kepada pihak berkuasa dan patuh pada pemantauan untuk jangka waktu tertentu. Justifikasi yang digunakan oleh Kerajaan bagi

menggubal Akta 297 adalah berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menunjukkan peningkatan ketara dalam jenayah kekerasan rentetan pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 [Akta 374], Akta Buang Negeri 1959 [Akta 735] dan ISA (Hamidi, 2017).

c. Akta Pencegahan Keganasan 2015 (Akta 769)

Akta 769 adalah undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia sebagai usaha untuk mengawal dan memerangi ancaman terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam. Akta 769 telah dibentangkan di Parlimen pada sesi sidang Parlimen Mac 2015 oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dan mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 28 Mei 2015 dan dikuatkuasakan pada 1 September 2015. Tujuan utama Akta 769 adalah untuk melindungi keselamatan negara dan ketenteraman awam sebagaimana termaktub dalam muqaddimah Akta 769.

Salah satu justifikasi penggubalan Akta 769 ialah; (i) untuk menghalang aktiviti keganasan daripada dilakukan, atau (ii) memberi sokongan terhadap kepada aktiviti keganasan kepada sekumpulan penganas di negara asing atau komponen negara asing yang telah disenaraikan oleh pihak berkuasa tempatan; dan (iii) untuk menyelia individu yang ditahan di bawah kesalahan akta tersebut (Ahmad & Dhillon, 2022). Pihak polis mempunyai kuasa untuk menangkap mana-mana individu yang menurutnya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terlibat dengan aktiviti keganasan sebagaimana peruntukan dalam Seksyen 3(1). Akta ini juga memberikan kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan pengawasan, penyiasatan dan penahanan ke atas individu yang dianggap mengancam keselamatan negara atau terlibat dalam aktiviti keganasan. Ini termasuk kuasa untuk menahan individu tanpa perlu melalui proses perbicaraan awam terlebih dahulu. Seksyen 13(2) memperuntukkan kuasa kepada Lembaga Pencegahan bagi mengeluarkan perintah tahanan untuk suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Akta 769 telah diperbaharui dan dipinda beberapa kali sejak diperkenalkan, termasuk pindaan yang membincangkan tentang mekanisme penyiasatan dan penahanan, serta definisi dan peruntukan berkaitan dengan keganasan dan ancaman terhadap keselamatan negara. Akibat daripada penggubalan Akta 769, Malaysia seharusnya dikenalpasti oleh komuniti dunia sebagai negara yang tidak moderate dan demokratik terhadap negara dan rakyatnya sebagaimana yang sepatutnya kerana tidak

mengendahkan kritikan dan penambahbaikan daripada pihak-pihak yang berkepentingan terhadap akta tersebut (Balais-Serano, 2015). Kwang (2018) turut mempertikaikan kewajaran Akta 769 yang disifatkannya sebagai suatu kelahiran semula Akta 82 yang telah dimansuhkan oleh kerajaan pada 2011. Menurutnya, meskipun terdapat peruntukan dalam Akta 769 yang boleh digunakan dalam usaha pencegahan keganasan, namun peruntukan selebihnya dalam akta tersebut melanggar hak asasi manusia fundamental.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Bagi kaedah analisis kandungan, penyelidik menganalisis peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta yang memperuntukkan tahanan sebagai suatu instrumen pencegahan. Selain itu, penyelidik juga menelusuri teks-teks klasik, terutamanya dalam bidang Maqasid al-Syariah dan aplikasi prinsip-prinsip syariah. Tujuannya bagi membentuk suatu konsep asas pertimbangan keharusan dalam pelaksanaan tahanan pencegahan menurut perspektif Islam.

Wacana Tahanan Pencegahan

Polemik pelaksanaan tahanan pencegahan di Malaysia mendapat pelbagai reaksi dari pelbagai pihak yang berkepentingan. Terdapat pihak yang mengkritik kewajaran pelaksanaan ini, namun tidak kurang juga yang memberi sokongan terhadap pelaksanaannya.

a. Kritikan Terhadap Pelaksanaan Tahanan Pencegahan

Pelaksanaan instrumen ini mendapat tentangan daripada para pendokong hak asasi manusia dengan alasan justifikasi berikut; (i) tahanan tanpa bicara dan tanpa tempoh; (ii) potensi berlakunya penyalahgunaan kuasa; dan (iii) pelanggaran hak asasi manusia.

i. Penahanan tanpa bicara dan tanpa tempoh

Salah satu isu yang dibangkitkan oleh pendokong hak asasi manusia ialah tahanan pencegahan adalah merupakan salah satu penahanan tanpa

bicara dan tanpa tempoh. *Malaysian Bar* (2009) menerusi kenyataan rasminya yang dikeluarkan bertegas menyatakan tahanan pencegahan di Malaysia adalah undang-undang lapuk yang bersifat arbitrari. Pertubuhan itu menyifatkan undang-undang pencegahan di Malaysia sebagai ‘*draconian law*’, ia sewajarnya dimansuhkan oleh kerajaan disebabkan elemen ketidakadilan dan penindasan yang ada dalam akta tersebut terhadap individu yang ditahan (Santhana Dass, 2021). Ketiadaan tempoh penahanan yang tetap, penahanan tanpa dakwaan, perintah kawalan yang tidak selamat serta adil, penafian hak mendapatkan khidmat guaman adalah antara isu yang dibangkitkan terhadap penolakan kewajaran undang-undang pencegahan (Dhanapal dan Sabaruddin, 2017).

Yang Arif Hakim dalam kes *Rovin Joty a/l Kodeeswaran v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors and other appeals [2021] 2 MLJ 822* turut mendefinisikan instrumen ini sebagai suatu bentuk tahanan tanpa bicara yang menahan seseorang individu oleh pihak berkuasa tanpa disabitkan kesalahan dengan apa-apa jenayah sekalipun di mahkamah.

ii. Potensi berlakunya penyalahgunaan kuasa

Kebebasan Lembaga Pencegahan mengarahkan penahanan, menentukan tempoh tahanan tanpa semakan kehakiman dibimbangi akan membuka ruang kepada pihak Eksekutif serta pihak berkuasa menyalahgunakan kuasa dalam menekan warga masyarakat, pendukung hak asasi manusia serta ahli politik. Dalam kes *R vs Halliday [1917] UKHL 1*, Lord Shaw berpandangan, kuasa yang begitu luas diberikan kepada pihak eksekutif boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa menerusi kefahaman mereka terhadap pendapat dan kepercayaan kepada mana-mana individu yang mungkin menjadikan penglibatan dalam politik atau sesebuah organisasi sebagai suatu indikator. Tiada mekanisme yang jelas dalam mana-mana peruntukan menjamin bahawa tiada individu yang akan ditahan disebabkan fahaman dan aktiviti politik yang dibawa meskipun adanya lindung jamin dalam penggubalan akta tersebut (Safia Naz, 2016).

Pelantikan Lembaga Pencegahan Keganasan menunjukkan kerajaan tidak mempunyai kuasa dalam menahan mana-mana individu (Kwang, 2018). Namun, pelantikan ahli yang dicadangkan oleh Menteri Dalam Negeri kepada Yang di-Pertuan Agong menjadi persoalan adakah lembaga tersebut benar-benar bebas daripada kuasa kerajaan (Ahmad & Dhillon, 2022). Di antara perkara yang menjadi perhatian terhadap kemungkinan berlakunya pencabulan hak asasi manusia ialah; (i) ketiadaan pemantauan

kehakiman terhadap sebarang keputusan yang diputuskan oleh Lembaga; dan (ii) ketiadaan semak dan imbang terhadap kuasa pihak yang menjalankan siasatan terhadap orang yang ditahan semasa dalam tempoh tahanan (SUHAKAM, 2022).

Malaysian Bar pada 2010 dalam suatu memorandum menyatakan, terdapat bukti daripada kes-kes lampau yang menunjukkan wujudnya penyalahgunaan kuasa dalam penguatkuasaan Akta 82. Di antaranya, akta tersebut digunakan dengan tujuan menutup suara kumpulan pembangkang serta pelaksanaan yang selektif terhadap individu tertentu (Majlis Peguam Malaysia, 2010). Pematuhan terhadap keperluan undang-undang dalam melaksanakan akta-akta pencegahan adalah ketat dan seharusnya dipantau dan diteliti oleh mahkamah. Dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min [1976] 2 MLJ 245*, Yang Arif Hakim menjelaskan pelaksanaan tahanan pencegahan adalah suatu pencerobohan yang serius terhadap kebebasan peribadi seseorang individu dan pelaksanaannya mestilah berlandaskan kepatuhan yang ketat terhadap keperluan undang-undang bagi menghalang seseorang individu menjalani kehidupan bebasnya.

iii. Pelanggaran hak asasi manusia

Pelaksanaan tahanan pencegahan di Malaysia dilihat mencabuli hak asasi manusia. Ini adalah berdasarkan kepada laporan yang diterbitkan oleh organisasi yang memperjuangkan hak asasi manusia seperti *Amnesty International* berkait rangka misi ke Malaysia pada tahun 1978-1988. Laporan tersebut mendapati bahawa wujudnya elemen penderaan dan penyiksaan yang dilakukan terhadap para tahanan ISA semasa dalam tempoh tahanannya, terutamanya ketika tempoh siasatan selama 60 hari oleh pihak berkuasa (Flitz, 2003). Perkara tersebut adalah sejajar dengan dapatan daripada Rais Yatim (1995) yang mendapati, meskipun ISA telah dilaksanakan puluhan tahun di Malaysia, namun pelaksanaannya telah melanggar hak asasi manusia sebagaimana yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

SUHAKAM menerusi suatu kenyataan media oleh Pengerusinya Tan Sri Hasmy Agam pada tahun 2011 menegaskan pendirian SUHAKAM bahawa undang-undang tahanan pencegahan adalah bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia. Selain itu, SUHAKAM turut menuntut agar kerajaan tidak lagi menggubal undang-undang yang memperuntukkan instrumen tahanan pencegahan untuk diimplementasikan di Malaysia,

31 Tahanan Pencegahan di Malaysia: Asas Pertimbangan Pelaksanaan Menurut Perspektif Islam

malahan mencadangkan agar kerajaan memperkukuhkan undang-undang sedia ada bagi mengekang aktiviti keganasan dan jenayah (SUHAKAM, 18 November 2011). Dalam suatu kenyataan pada tahun 2015, SUHAKAM menyatakan pendiriannya terhadap keperluan kepada suatu kajian semula dilakukan terhadap undang-undang pencegahan, khususnya Akta 769. Meskipun wujud keperluan terhadap penggubalan undang-undang baru yang khusus bagi mengekang aktiviti keganasan, namun alasan tersebut tidak mewajarkan bagi kerajaan menggubal suatu undang-undang yang bertentangan dengan prinsip utama dan fundamental dalam hak asasi manusia (SUHAKAM, Laporan Tahunan 2015 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia).

Terdapat juga laporan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Amerika Syarikat mengenai amalan hak asasi manusia di Malaysia yang membangkitkan isu: (i) berlakunya penangkapan dan penahanan sewenang-wenang oleh pihak berkuasa; (ii) penafian hak untuk dibicarakan secara adil; (iii) pencabulan hak terhadap privasi, keluarga dan tempat kediaman (Kedutaan A.S. di Malaysia: 2021). Pelaksanaan tahanan pencegahan terhadap kanak-kanak oleh pihak kerajaan juga dikritik kerana dilihat mencabuli hak asasi manusia. Selaku penandatanganan terhadap konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC), Malaysia turut dikritik kerana gagal dalam usaha untuk memenuhi komitmen terhadap CRC berhubung hak kebebasan asas kanak-kanak (Aminuddin, 2020).

Setelah analisis dilakukan terhadap hujah-hujah penolakan kewajaran pelaksanaan, didapati bahawa hujah-hujah yang diberikan adalah berkisar kepada tuntutan dan pematuhan piawai hak asasi manusia serta percanggahan akta-akta tersebut dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang.

b. Sokongan Kewajaran Pelaksanaan Tahanan Pencegahan

Pelbagai pihak menyuarakan pendapat yang menyokong agar tahanan pencegahan terus dilaksanakan dan dikekalkan dalam sistem perundangan negara. Muhammad Fathi Yusoff (2018) menyuarakan bahawa instrumen tahanan pencegahan seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) hanya perlu dipinda dan ditambah baik. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) tidak dibahaskan dalam kajian ini kerana ia merupakan undang-undang prosedur meskipun SOSMA juga dikategorikan sebagai

undang-undang pencegahan di Malaysia sebagaimana penghakiman oleh Pesuruhjaya Kehakiman dalam kes *Ahmad Shahril Jonardy lwn. PP. [2022] CLJU 3176*.

Kewujudan tahanan pencegahan adalah merupakan suatu keperluan tatkala melihat keadaan dan situasi semasa bagaimana penglibatan rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan dakyah-dakyah berunsur keganasan dan melampau. Meskipun Malaysia mempunyai undang-undang dalam usaha menangani keganasan menerusi Kanun Keseksaan, Bab VIA seksyen 130B, namun negara masih memerlukan suatu undang-undang pencegahan kerana menerusi undang-undang pencegahan, ia akan berfungsi sebagai alat pencegahan dalam menangkis ancaman keganasan, bukan semata-mata sebagai instrumen hukuman sebagaimana dalam bentuk jenayah yang biasa (Shamrahayu, 2015). Nurhafilah Musa (2017) turut berpandangan bahawa undang-undang pencegahan khususnya Akta 769 mempunyai kesan yang positif dalam usaha menangani ancaman keganasan, namun perlu dikendalikan secara adil dan tidak menyalahgunakan kuasa dalam pelaksanaannya. Justeru, pelaksanaan instrumen tahanan pencegahan sebagai suatu bentuk pencegahan adalah sesuatu yang wajar berdasarkan kepada justifikasi berikut:

i. Menjaga kedaulatan negara dan keselamatan rakyat

Muhammad Asraf Mohd Ghaus (2013) mentakrifkan ‘menjaga keselamatan’ sebagai suatu keadaan dan posisi yang mengekang sebarang marabahaya serta ancaman terhadap sesebuah negara. Di antara motif utama pelaksanaan tahanan pencegahan ialah untuk menjaga keselamatan rakyat dan kedaulatan negara dari sebarang anasir yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman masyarakat. Namun, akibat daripada pemansuhan Akta 82 dan Ordinan Darurat pada tahun 2011 telah menyebabkan 1500 orang tahanan di bawah Ordinan Darurat dan 2500 orang di bawah ISA dibebaskan secara berperingkat (Muhammad Asraf bin Mohd Ghaus, 2013). Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi berpandangan tahanan pencegahan adalah menjadi suatu keperluan dalam mengendalikan kes-kes berprofil tinggi atas faktor data menunjukkan jumlah kes yang semakin meningkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low dalam laporan akhbar bertarikh 14 Ogos 2013 yang menyatakan bahawa pindaan atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 merupakan tindak balas kerajaan untuk

mencegah jenayah yang semakin meningkat. Shamrahayu (2015) menyatakan, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dalam memastikan keselamatan rakyat dan kedaulatan negara menjadi keutamaan menerusi penyediaan instrumen dan elemen yang bersesuaian bagi menangkis ancaman keganasan dan jenayah.

ii. Faktor etnik, bangsa dan agama

Keunikan negara Malaysia yang ditunjangi dengan pelbagai etnik kaum dan agama sememangnya menjadi keistimewaan di mata dunia. Kepelbagaian ini menyebabkan berlakunya pelbagai aliran dan bentuk fahaman yang berbeza. Perbezaan fahaman ini kadang-kala dilihat boleh memberi risiko terhadap ketidakstabilan dalam negara (Azrul Azlan Abd Rahman, 2023). Beliau turut menyenaraikan antara elemen lain yang boleh mengganggu gugat keselamatan awal ialah; (i) rasis perkauman, (ii) isu-isu agama; (iii) perbezaan politik; (iv) ekonomi; (v) pendidikan; (vi) konflik korporat; dan (vii) isu-isu budaya.

Faktor umur dalam pelaksanaan tahanan pencegahan turut menjadi kritikan terhadap pelaksanaan instrumen ini. Kesan terhadap kanak-kanak yang ditahan di bawah instrumen tahanan pencegahan memberi impak negatif yang ketara terhadap perkembangan fizikal, mental serta psikologi. Menjadi suatu keperluan kepada pihak kerajaan untuk mengkaji semula kewajaran instrumen ini dikenakan terhadap kanak-kanak (Aminuddin Mustaffa, 2020).

iii. Instrumen Menumpaskan Kartel dan Organisasi Jenayah

Kwang (2017) menyatakan, Akta 769 mempunyai kelebihan berbanding undang-undang jenayah biasa di mana berdasarkan peruntukan menerusi akta tersebut membolehkan pihak berkuasa mengesan serta menangkap individu yang disyaki terlibat dalam sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan negara yang tidak mampu dikesan menerusi peruntukan undang-undang jenayah biasa. Menurut Che Audah Hassan (2018), terdapat kesukaran pada pihak polis dalam usaha menyabitkan jenayah terhadap kesalahan yang melibatkan pesalah yang ramai iaitu masalah dalam memperolehi persetujuan daripada rakan jenayah untuk memberi keterangan terhadap rakan jenayah yang lain. Meskipun rakan

jenayah setuju untuk memberikan keterangan ke atas rakan jenayah yang lain, undang-undang memperuntukkan menerusi seksyen 133 Akta Keterangan 1950 yang membenarkan rakan jenayah sebagai saksi yang layak dengan syarat keterangan yang diberikannya terhadap rakan jenayah yang lain adalah disokong dengan bukti lain yang kukuh dan memenuhi piawaian bukti yang melampaui keraguan yang munasabah.

Kesukaran pihak berkuasa dalam menyabitkan jenayah terhadap orang yang disyaki boleh diselesaikan menerusi guna pakai Akta 769 yang tidak memerlukan bukti untuk dibentangkan dalam prosedur perbicaraan di mahkamah. Justeru, mengguna pakai Akta 769 sebagai instrumen pencegahan adalah tepat memandangkan kartel dan organisasi yang dianggotai oleh orang yang disyaki turut sama boleh diheret tanpa memerlukan kepada pensabitan kesalahan atau jenayah di mahkamah.

Asas Pertimbangan Pelaksanaan Tahanan Pencegahan Menurut Syariah

Dalam konteks pelaksanaan tahanan pencegahan, adalah menjadi suatu keperluan untuk meneliti dalil-dalil terhadap keharusan pelaksanaannya. Justeru itu, dalam subtopik ini penyelidik membincangkan berkaitan asas pertimbangan pelaksanaan tahanan pencegahan dengan memuatkan tiga topik perbincangan iaitu: (a) *hifzu al-dawlah* (penjagaan negara); (b) *fiqhu al-muwāzanah* (fiqh pertimbangan); dan (c) *fiqhu al-ma'ālat*.

a. Konsep Penjagaan Negara (*hifzu al-dawlah*) wajar diketengahkan sebagai Asas Pelaksanaan Tahanan Pencegahan

Penjagaan negara dan pembinaannya (*imārah*) sememangnya menjadi antara tuntutan dalam syariat. Dalam al-Quran, terdapat ayat yang mengisyaratkan kepada penjagaan negara. Antaranya ialah; firman Allah S.W.T.:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَأَخْرَجَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُوهُمْ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Maksudnya:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kami tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.” (Al-Quran, al-Anfāl 8:60)

Al-Sa^cdi (2018) ketika mentafsirkan ayat ini menjelaskan, persiapan yang dimaksudkan dalam konteks ayat di atas ialah persiapan dan kekuatan dari segi akal (strategi), kekuatan jasmani, kelebihan senjata dan apa sahaja elemen yang boleh membantu memperkukuhkan kekuatan. Termasuk dalam erti kata kekuatan dari segi akal yakni strategi ialah kekuatan dari sudut perundangan dalam usaha mengawal dan menjaga keselamatan rakyat dan negara. Hal ini sejajar sebagaimana kisah diplomasi di antara Balqis dan Nabi Sulaiman A.S. ketika mana pengutusan surat bahawa Nabi Sulaiman A.S. dan bala tentera akan menyerang negeri Saba'. Pertimbangan yang dilakukan oleh Balqis dengan memikirkan implikasi daripada serangan kuasa asing yang akan memberi kesan buruk terhadap negara dan penduduknya. Firman Allah S.W.T.:

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا أَعْرَآةَ أَهْلِهَا آذِلَّةً وَكَذَلِكَ
يَفْعَلُونَ

Maksudnya:

“Raja Perempuan itu berkata: ‘Sesungguhnya raja-raja apabila masuk ke sebuah negeri, mereka merosakkannya, dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina-dina, dan sedemikian itulah mereka akan lakukan.’ (Al-Quran, al-Naml, 27:34)

Hikmat ibn Basyir ibn Yasin (1996) ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan kepintaran Balqis dalam berunding dengan Nabi Sulaiman A.S. kepada perdamaian, gencatan senjata dan secara diplomasi bagi menjaga keselamatan dan keamanan negerinya. Ayat ini jelas bagaimana peranan seorang pemimpin dalam meletakkan penjagaan negara sebagai keutamaan dalam pentadbirannya dengan memikirkan implikasi dan kesan yang akan dihadapi oleh rakyat dan negara. Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا
أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ
هُمُ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

“Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja) atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.” (Al-Quran, al-Māidah 5:33)

Menurut Shauqi Ibrahim A^lām (2022), meskipun dalil ini merupakan dalil terhadap kewajipan pelaksanaan hukuman terhadap orang

yang membunuh, orang yang merampas harta orang lain serta membunuh, orang yang merampas harta orang lain atau orang yang mengganggu ketenteraman awam, namun isyarat daripada ayat ini ialah kepentingan terhadap penjagaan ketenteraman awam dengan peruntukan bentuk hukuman yang sangat berat dikenakan terhadap pesalah yang disabitkan. *Dar al-Ifta' al-Mishriyyah* (2022) di bawah Profesor Dr. Shauqi Ibrahim A^lām telah mengeluarkan fatwa yang mewajibkan penjagaan terhadap insan dan keamanan negara sebagaimana berikut:

‘Penjagaan terhadap insan dan gagasan menjaga keselamatan negara adalah di antara perkara fitrah dan wajib syar’i, sebagaimana dalil-dalil yang terdapat pada menyatakan kewajipan tersebut.’

Ayat ini juga adalah sejajar dengan ayat yang lain dalam menerangkan larangan untuk melakukan kerosakan di atas muka bumi. Allah S.W.T. berfirman:

وَلَا تَعْتَوُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.” (Al-Quran, al-Baqarah 2:60)

Dalam konteks pelaksanaan tahanan pencegahan, penjagaan negara adalah merupakan salah satu perkara utama yang perlu diberikan perhatian. Penggubalan akta-akta selain untuk memastikan sosial kemasyarakatan berada dalam keadaan tertib dan tersusun, ia juga berperanan sebagai perisai dalam memastikan kedudukan negara yang berada dalam keadaan selamat untuk diduduki oleh rakyatnya serta negara yang mampan dari segi pentadbiran dan pengurusannya. Ibnu ^cAsyur (2004) menyatakan, adalah menjadi suatu kewajipan bagi umat untuk memperteguhkan keupayaan diri dalam menghadapi sebarang ancaman dan anasir buruk bagi mempertahankan kebaikan dan kemaslahatan negara terlebih dahulu sebelum menjaga kemaslahatan rakyatnya. Ini jelas menerusi doa Nabi Ibrahim A.S. yang memohon kepada Allah S.W.T. agar menjadikan negaranya aman dan sejahtera. Firman Allah S.W.T.:

وَأذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا وَاجْنُبْنِي وَبَنِيَّ أَنْ نَعْبُدَ الْأَصْنَامَ
۝

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) Ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: ‘Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri Makkah ini aman, dan jauhkanlah daku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala.’” (Al-Quran, Ibrahim 14:35)

b. Aplikasi Fiqh Pertimbangan (*Fiqhu al-Muwazannah*) dalam pelaksanaan tahanan pencegahan

Salah satu topik yang menjadi tema utama dalam penyelidikan ini ialah konflik pertembungan di antara kepentingan umum dan kepentingan masyarakat. Menurut al-Juwaini (2006), Fiqh Pertimbangan ialah merujuk kepada kefahaman serta keupayaan seseorang individu dalam menyeimbangkan di antara masalah dan mafsadah dalam sesuatu perkara ketika berlakunya pertembungan di antara kedua-duanya. Namun, dalam menanggapi hasil daripada pertimbangan sesuatu perkara, asas dalam proses pertimbangan ialah hukum yang terhasil daripada proses *muwazannah* tidak boleh menyalahi dalil dan nas syarak (Lukman Abdul Mutalib, 2024). Dalam konteks pelaksanaan tahanan pencegahan, asas kepada keharusan pelaksanaan tahanan pencegahan adalah berdasarkan prinsip (تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة) iaitu setiap polisi yang digubal oleh kerajaan perlulah bersandarkan kepada kemaslahatan awam iaitu untuk menjaga keselamatan rakyat dan kedaulatan negara.

i. Tuntutan menghilangkan kemudaratan

Islam meletakkan keutamaan dalam menjaga keselamatan masyarakat untuk dipelihara. Di antara prinsip utama dalam syariat ialah menjauhkan kemudaratan daripada berlaku terhadap umat dengan penerapan kaedah kemudaratan hendaklah dihilangkan (يُزَالُ الضَّرَرُ). Definisi الضرر (kemudaratan) ialah apa-apa yang bertentangan dengan

39 Tahanan Pencegahan di Malaysia: Asas Pertimbangan Pelaksanaan Menurut Perspektif Islam

manfaat, kesemuanya merupakan kemudaratan. Kemudaratan dihukumkan sebagai suatu kezaliman dan pengkhianatan serta wajar untuk dihapuskan kerana sifatnya yang boleh diangkat serta dihilangkan, bahkan kemudaratan itu tidak sepatutnya berlaku (Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005).

Ulama mengklasifikasikan kaedah ini sebagai hujah yang kuat berdasarkan dalil-dalil yang dihimpunkan dari al-Quran, hadith, ijma^c dan dalil akal. Di antara dalil yang menjadi hujah bagi penggunaan kaedah ini ialah sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.” (al-Quran, al-A^crāf 7:56)

Al-Asyqar (2007) ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan, ia merupakan salah satu larangan dari Allah S.W.T. yang melarang untuk melakukan sebarang kerosakan mahupun pengkhianatan di dunia iaitu sama ada dengan perbuatan membunuh manusia, menghancurkan rumah-rumah, membunuh haiwan dan menebang pokok atau mengeringkan sungai. Antara lain bentuk perbuatan ialah kufur kepada Allah, melakukan kemaksiatan dan tidak melaksanakan syariat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat. Di antara hadith yang menjadi dalil bagi pemakaian kaedah ini ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Yang bermaksud:

“Tidak ada kemudaratan dan memudaratkan.” (Riwayat Ibnu Mājah, Sunan Ibnu Mājah, Kitāb al-Ahkām, Bāb Man Bana fī Haqqihi Mā Yadhurru bi jārihi, no. hadith 2341)

Jelas menerusi hadith ini, Rasulullah S.A.W. menegah dari berlakunya segala bentuk mudarat sama ada perkara itu sesuatu yang memudaratkan atau memberi mudarat kepada pihak lain. Haram hukumnya membalas sesuatu kemudaratan dengan kemudaratan yang lain. Islam menganjurkan agar setiap perkara yang memudaratkan perlu dihilangkan dengan sedaya upaya. Ulama’ sepakat (*ijma’*) bahawa kaedah ini digunapakai sebagai suatu pendalilan dalam *istiqra’* dalil. Demikian juga, dalil akal sebagaimana akal tidak dapat menerima sebarang bentuk kemusnahan dan kemudaratan terhadap apa-apa sekalipun. Sebarang bentuk kemudaratan tidak sepatutnya disandarkan kepada Allah S.W.T. kerana Allah S.W.T. bersifat Rahmah (Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005).

Dalam konteks perbahasan berkaitan pelaksanaan tahanan pencegahan, kemudaratan yang dimaksudkan ialah menerusi pembawaan anasir-anasir yang boleh mengganggu-gugat keselamatan rakyat dan kedaulatan negara seperti pengedaran dadah, jenayah terancang atau aktiviti keganasan. Kerajaan mengambil sikap untuk melakukan pencegahan daripada mengambil risiko berhadapan dengan kemudaratan terhadap rakyat dan negara menerusi implementasi tahanan pencegahan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang negara sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang menerusi seksyen 3(1) Akta 316, seksyen 3(1) Akta 297 dan seksyen 3(1) Akta 769. Justeru, menghilangkan potensi marabahaya dan kemudaratan terhadap rakyat dan negara adalah menepati kepada kehendak syarak berdasarkan kepada maqasid syariah iaitu untuk menjaga; (i) nyawa; (ii) keturunan dan (iii) harta.

Namun, konflik berlaku ialah apabila bertembungnya dua perkara yang memudaratkan iaitu; (1) kemudaratan yang ditanggung oleh orang yang ditahan pihak berkuasa dari segi hak asasinya seperti hak untuk hidup dan bergerak bebas serta hak untuk memiliki harta; dan (2) kemudaratan yang akan ditanggung oleh masyarakat dan negara. Dalam konteks ini, syariat menjelaskan keperluan untuk mendahulukan kemudaratan yang

41 Tahanan Pencegahan di Malaysia: Asas Pertimbangan Pelaksanaan Menurut Perspektif Islam

lebih besar berbanding kemudaratan yang lebih kecil dengan menanggung kemudaratan yang lebih kecil.

ii. Kemudaratan khusus ditanggung untuk mengelakkan kemudaratan umum

Di antara kaedah dan prinsip utama dalam keharusan pelaksanaan tahanan pencegahan ialah kaedah ‘bahaya khusus perlu ditanggung untuk mengelakkan bahaya umum’ (يتحمل الضرر الخاص لأجل رفع الضرر العام). Menurut al-Syatiri (t.t.), prinsip asas yang diketengahkan dalam kaedah ini ialah kemudaratan terhadap seseorang individu perlu ditanggung bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar berlaku dalam kalangan masyarakat umum. Beliau turut menyatakan kaedah ini juga mempunyai kaitan dengan kaedah الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف (kemudaratan yang lebih berat dihilangkan dengan menanggung kemudaratan yang lebih ringan).

Kaedah ini boleh diperhalusi menerusi isyarat yang boleh diambil menerusi firman Allah S.W.T.:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا
وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya:

“Sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.” (Al-Quran, al-Ma’idah 5:32)

Menerusi ayat ini, Ibnu Kathir (2003) mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa perumpamaan bagi orang yang melakukan kerosakan di atas muka bumi dengan menghalalkan perbuatan membunuh manusia yang lain adalah seumpama membunuh manusia seluruhnya. Isyarat daripada ayat tersebut ialah bagaimana kesan dan implikasi yang digambarkan oleh Allah S.W.T. terhadap perbuatan membunuh seorang

manusia atau menghidupkan (membiarkan) seseorang individu itu hidup dengan aman.

Aplikasi kaedah ini dalam *Fiqh Muwazanah* ialah dengan menilai dan membandingkan bentuk kemudaratan yang lebih besar di antara dua kemudaratan. Dalam konteks tahanan pencegahan, pertembungan di antara kemudaratan yang kecil iaitu penahanan seseorang individu atas alasan pencegahan demi kemaslahatan umum dilakukan meskipun akan berlakunya pelanggaran hak asasi seseorang individu. Pelaksanaan penahanan pencegahan adalah atas dasar kepentingan dan kebaikan yang lebih luas ruang lingkupnya iaitu untuk keselamatan masyarakat awam keseluruhannya yang mejadi tuntutan yang lebih utama untuk dilaksanakan. Pandangan ini sejajar sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Uthman Sabir (2000) yang menyatakan bahawa peperangan yang dilakukan pada bulan haram adalah memudaratkan kerana terdapat nas yang melarang untuk berperang, tetapi disebabkan fitnah terhadap Islam yang lebih besar dihadapi, maka dilaksanakan kemudaratan yang kecil (berperang) bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar (fitnah).

c. *Fiqhu al-Ma'alāt* (Fiqh Implikasi)

Al-Syatibi (2004) menyatakan, adalah menjadi suatu tugas bagi para sarjana menganalisis kesan-kesan terhadap pemakaian prinsip-prinsip seperti *sad al-zarai'*, *al-istihsan* dan lain-lain prinsip dalam proses penentuan hukum. Pemakaian aplikasi *fiqhu al-ma'alāt* perlu dibuat pertimbangan terlebih dahulu menerusi kesan sama ada positif mahupun negatif daripada sesuatu perkara. Namun, terdapat sarjana yang menyarankan penggunaan *fiqhu al-ma'alāt* ini hanya dalam ruang lingkup yang melibatkan isu-isu kontemporari dan juga dalam isu sosial dan kemasyarakatan (Mohd Shauqi, 2024). Pemakaian *fiqhu al-ma'alāt* telah digunakan meluas dalam pelbagai skop kajian yang melibatkan sains perubatan, e-muamalat, bidang kefatwaan, harta intelek dan sebagainya.

Justeru itu, dalam usaha penentuan hukum terhadap keharusan pemakaian *fiqhu al-ma'alāt* dalam konteks tahanan pencegahan adalah sesuatu yang wajar untuk dipertimbangkan. Namun, al-Raysuni (1999) menyatakan terdapat parameter yang perlu dipatuhi agar pemakaiannya tidak disalahgunakan sehingga boleh membawa kepada perubahan terhadap hukum syarak meskipun atas nama dan kewajaran prinsip

masalah. Bagi tujuan tersebut, penyelidik menyesuaikan garis panduan pemakaian *fiqhu al-ma'ālat* dalam konteks tahanan pencegahan.

i. Identifikasi hukum

Menurut Kamali (2016), penentuan hukum perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan sama ada sesuatu subjek tersebut mempunyai asas hukum yang telah disepakati atau terdapat ruang perselisihan dalam kalangan ulama. Dalam konteks tahanan pencegahan, ia merupakan suatu instrumen baharu yang diimplementasi oleh pihak kerajaan dalam usaha menjaga keselamatan dan keamanan negara dan rakyat. Tidak terdapat dalil dan nas yang jelas menerusi al-Quran, hadith, ijmak dan qiyas berkaitan instrumen ini. Namun, terdapat dalil-dalil yang menunjukkan keperluan untuk penjagaan nyawa, harta dan lain-lain. Dalam konteks tahanan pencegahan, asasnya adalah pensyarian pemejaraan dan penahanan dalam Islam. Terdapat dalil yang mengharuskan pelaksanaan penjara dan tahanan, namun penahanan yang dilaksanakan itu mempunyai justifikasinya seperti tahanan hukum dan tahanan reman. Berbeza dalam pelaksanaan tahanan pencegahan yang diimplementasi di Malaysia. Undang-undang membenarkan penahanan seseorang individu tanpa melalui proses perundangan yang biasa atas justifikasi pencegahan.

ii. 'Illah yang jelas

Menurut Mohd Shauqi (2024), hukum perlu dianalisis menerusi konsep *'illah* dan hikmah yang terdapat pada sesuatu perkara. *'Illah* dalam pelaksanaan tahanan pencegahan adalah demi memastikan kelangsungan keselamatan dan keamanan bagi negara dan rakyat. Perkara ini boleh dilihat menerusi justifikasi penggubalan akta-akta yang memperuntukkan tahanan sebagai suatu instrumen pencegahan. Selain itu, adalah menjadi tujuan syarak dalam memelihara keselamatan nyawa dan keamanan rakyat. Ini jelas menerusi pelbagai nas dan dalil yang menunjukkan kewajipan dalam menjaga elemen tersebut. Al-Jauziyyah (2011) menyatakan, wujudnya sesuatu hukum dengan sebab atau *'illah*, dan gugurnya hukum dengan ketiadaan *'illah*.

Dalam penentuan hukum terhadap pelaksanaan tahanan pencegahan, kaedah al-qiyas dan *takyif al-fiqhi* digunapakai. Menurut

Uthman Syabir (2008), dalam implementasi kaedah *qiyas* adalah bergantung kepada dalil dan illah, berbeza dengan *takyif al-fiqhi* yang tidak mengikat kepada dalil dan illah semata, tetapi lebih terbuka dengan melihat kepada ciri serta persamaan di antara perkara yang asal dan baharu, tujuan serta objektif hukum. Al-Khadimi (2006) mendefinisikan penjagaan nyawa sebagai menjaga nyawa dengan mencegah daripada berlakunya hal-hal buruk dan memastikannya tetap hidup. Syariat Islam sentiasa meletakkan kepentingan penjagaan keselamatan terhadap umatnya. Ini jelas menerusi firman Allah S.W.T.:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.” (Al-Quran, al-Baqarah 2:195)

Muhammad Sulaiman al-Asyqar (t.t.) ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan, adalah menjadi suatu tanggungjawab untuk tidak menyerahkan diri terhadap perkara-perkara yang boleh membinasakan, serta menjadi suatu kewajipan untuk merancang melakukan pencegahan terhadap sesuatu yang boleh membinasakan atau memudaratkan. Tafsiran yang diberikan oleh al-Asyqar ini menunjukkan kepada keperluan bagi pihak yang berwajib untuk melakukan suatu bentuk pencegahan daripada berterusan berlakunya kemudaratan sama ada menerusi perundangan atau selainnya. Justeru, metode *takyif al-fiqhi* adalah lebih sesuai untuk digunakan bagi menganalisis hukum terhadap pelaksanaan tahanan pencegahan. Konsep masalah dan menghindarkan kemudaratan daripada berlaku sebagai justifikasi utama pelaksanaan instrumen memainkan peranan penting. Aplikasi usul fiqh, qawaid fiqhiyyah dan maqasid al-syariah akan menjadi elemen penting dalam pemakaian *fiqhu al-ma'alat*.

iii. Penerapan konsep masalah berdasarkan sumber syariah

Keseluruhan agama adalah merupakan suatu kebaikan kepada masyarakat, sekalipun ia menolak sebarang keburukan (*mafsadah*) atau *maslahah* (kebaikan) itu sendiri (Al-Izz °Abd al-Salām, 2000). Dalam

konteks sistem jenayah Islam, *masalah* menekankan pada tujuan utama hukum syariah iaitu untuk mewujudkan keadilan dan keseimbangan, memelihara tatatertib serta kehidupan sosial dan melindungi hak asasi manusia. Terdapat banyak ayat al-Quran dan petunjuk menerusi hadith Nabi S.A.W. serta kesepakatan para ulama terhadap kewajipan menjaga nyawa, keselamatan negara dan keamanan rakyat. Di antara dalil tersebut ialah:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مِمَّا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَأَخْرِيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Maksudnya:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kami tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.” (Al-Quran, al-Anfāl 8:60)

Al-Sa[‘]di (2018) ketika mentafsirkan ayat ini menjelaskan, persiapan yang dimaksudkan dalam konteks ayat di atas ialah persiapan dan kekuatan dari segi akal (strategi), kekuatan jasmani, kelebihan senjata dan apa sahaja elemen yang boleh membantu memperkukuhkan kekuatan. Termasuk dalam erti kata kekuatan dari segi akal yakni strategi ialah kekuatan dari sudut perundangan dalam usaha mengawal dan menjaga keselamatan rakyat dan negara. Prinsip ‘Polisi pemerintah mestilah tertakluk kepada masalah rakyat’ memainkan peranan penting dalam implementasi konsep masalah dalam struktur pentadbiran negara. Al-Haitami (1938) menyatakan adalah menjadi suatu kewajipan untuk rakyat mentaati pemerintah terhadap sesuatu arahan ataupun larangan adalah wajib selagi mana arahan dan larangan tersebut tidak menyalahi syarak.

Hadith:

انصُرْ اَحَاكَ ظَالِمًا اَوْ مَظْلُومًا فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللّٰهِ اَنْصُرُهُ اِذَا كَانَ
مَظْلُومًا اَفَرَأَيْتَ اِذَا كَانَ ظَالِمًا كَيْفَ اَنْصُرُهُ قَالَ تَحْجُزُهُ اَوْ تَمْنَعُهُ مِنَ الظُّلْمِ
فَاِنَّ ذٰلِكَ نَصْرُهُ

Maksudnya:

“Bantulah saudaramu baik ia berbuat zalim atau dizalimi. Seorang lelaki bertanya, Ya Rasulullah, saya maklum jika ia dizalimi, namun bagaimana saya menolong saudara yang melakukan kezaliman? Nabi S.A.W. menjawab: Engkau mencegahnya atau menahannya dari kezaliman, itulah cara membantunya.” (Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Mazhalim, Bab A^can Akhaka Zhaliman au Mazluman, no. Hadith 2311.)

Hadith ini menunjukkan keperluan bagi umat saling membantu di antara satu sama lain, sama ada dalam kapasiti bantuan terhadap orang yang dizalimi mahupun orang yang menzalimi orang lain. Konsep membantu orang yang menzalimi orang lain boleh diterjemahkan sebagai implementasi peraturan dan perundangan dalam negara. Penggubalan undang-undang dan penetapan peraturan-peraturan oleh pihak kerajaan adalah sebagai suatu garis panduan kehidupan bagi masyarakat dalam saling berinteraksi. Dalam konteks pelaksanaan tahanan pencegahan, konsep yang diketengahkan adalah bagi membantu individu yang berpotensi melakukan sebarang cubaan dengan menyekat dan menahan mana-mana individu yang disyaki dan dipercayai kebebasannya dalam norma masyarakat akan membawa kemudaratan kepada rakyat dan negara.

Perkara ini juga sejajar sebagaimana suruhan untuk melaksanakan amalan amar maaruf nahi mungkar oleh agama Islam. Hadith:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya:

“Barangsiapa dalam kalangan kamu yang melihat akan kemungkarannya maka hendaklah dia mengubah (yakni menghalang) ia dengan tangannya, maka apabila dia tidak mampu maka ubahlah dengan lidahnya (perkataan), maka apabila dia masih tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya. Dan itulah selemah-lemah iman.” (Riwayat Muslim, *Sahīh Muslim, Kitāb al-Īman*, no. hadith 84)

Aktiviti dan perbuatan jenayah adalah suatu bentuk kemungkarannya yang wajib ditegur dan dihalang. Kerajaan, menerusi pihak berkuasa yang diberikan mandat memiliki peranan yang penting dalam menguatkuasakan sistem perundangan dan hukum sebagai suatu bentuk pencegahan demi mencegah kemungkarannya mencakupi tindakan seperti penguatkuasaan terhadap undang-undang, pelaksanaan program-program berbentuk rehabilitasi dan pendidikan. Perkara ini juga adalah selaras dalam menyahut seruan untuk saling membantu sesama manusia sebagaimana yang difirmankan Allah S.W.T.:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolong untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

Al-Sa‘di (2008) ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan, sifat bantu-membantu dalam kalangan umat adalah sesuatu yang dicintai dan diredhai oleh Allah. Membantu dalam melaksanakan kebaikan dan kebajikan meskipun boleh diusahakan secara individu mahupun mendapat bantuan orang lain dalam pelaksanaannya. Demikian juga dalam soal membantu dalam premis tidak melanggar peraturan dan perintah syarak meskipun dalam kapasiti peribadi atau dengan bantuan orang lain.

Dalam konteks pelaksanaan tahanan pencegahan, *Fiqh al-Ma'alat* memberikan suatu dimensi baharu dalam perbincangan terhadap pelaksanaan tahanan pencegahan. Pelaksanaan tahanan pencegahan adalah melaksanakan penahanan untuk suatu tempoh terhadap seseorang individu atas kepercayaan pihak polis bahawa penglibatannya dalam aktiviti yang boleh mengganggu-gugat keselamatan masyarakat dan kedaulatan negara. Pelaksanaan penahanan tersebut adalah dilakukan sebelum kejadian yang tidak diingini berlaku atas dasar kesiapsiagaan dan penilaian risiko yang mungkin akan dihadapi sekiranya individu-individu terbabit dibiarkan bergerak bebas dalam masyarakat.

Dapatan Kajian

Berdasarkan konsep dan prinsip-prinsip yang telah dibincangkan dari sudut pendalilan dan guna pakainya, pelaksanaan instrumen tahanan pencegahan adalah sesuatu yang relevan dan wajar serta memenuhi keperluan syariah dalam pelaksanaannya bagi menghindarkan implikasi yang lebih buruk berlaku dalam kalangan masyarakat dan juga negara. Elemen pencegahan adalah faktor utama dalam keharusan pelaksanaan ini dalam memastikan keperluan dan penjagaan kemaslahatan dan kepentingan awam.

Kesimpulan

Dalam menganalisis kewajaran pelaksanaan tahanan pencegahan di Malaysia dari perspektif Islam, dapat disimpulkan bahawa elemen pencegahan dalam Islam adalah penting dalam menjaga keamanan dan ketenteraman masyarakat. Islam menekankan perlunya langkah-langkah pencegahan untuk melindungi masyarakat daripada ancaman dan bahaya, selaras dengan prinsip menjaga keselamatan awam. Namun, adalah penting untuk diingat bahawa Islam tidak menolak hak asasi manusia; sebaliknya, ia mengakui dan menghormati hak-hak individu sebagai sebahagian daripada prinsip keadilan dan kemanusiaan. Oleh itu, pelaksanaan tahanan pencegahan haruslah selaras dengan nilai-nilai hak asasi manusia, memastikan bahawa tindakan tersebut tidak mengabaikan keadilan dan maruah individu. Ini memerlukan penilaian yang teliti bagi memastikan bahawa tindakan pencegahan yang diambil tidak melanggar prinsip-prinsip hak asasi yang diakui dalam Islam.

ACKNOWLEDGMENTS

The author would like to express gratitude to the department of Fiqh & Usul alFiqh, Abdulhamid Abu Sulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, for the enabling environment to conceptualise and write this article.

CONFLICT OF INTERESTS

The authors declare no competing interests such as financial or personal relationship, regarding the writing of this article.

AUTHORS' CONTRIBUTIONS

Muhammad designed the study and gathered the literature. and wrote the article.

Rujukan

- Abdul Aziz Muhammad Azzam. 2005. *Al-Qawāid al-Fiqhiyyah*. Mesir: Dār al-Hadith,
- Abdul Rahman Nasir al-Sa^cdi. 2018. *Tafseer al-Sa^cdi*, English Version. Beirut: International Islamic Publishing House, Beirut.
- Ahmad, A. 2022. *Must the Prevention of Terrorism Entail The Violation of Human Rights? The Case of Malaysia's Prevention of Terrorism Act*, UUM Journal of Legal Studies, 13.
- Ahmad, A.R., & Dhillon, S.K.. 2022. *Must the Prevention of Terrorism Entail the Violation of Human Rights? The Case of Malaysia's Prevention of Terrorism Act*, UUM Journal of Legal Studies, 13(2), 243-266. <https://doi.org/10.32890/uumjls2022.13.2.10>
- Al-Haitami, Ibnu Hajar. 1938. *Tuhfat al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Mesir: Maktabah al-Tijarah al-Kubra, Mesir.
- Al-Jauziyyah. 2011. *Flam al-Muwaqqi^cin ^can Rabbi al-^calamin*, Pustaka Azzam, Indonesia.
- Al-Juwayni. 2006. *Ghiyath al-Umam fi Iltiyats al-Zulm*, cet. 1, Mesir: *Dar al-^cAqidah*, Iskandariyyah.

- Amnesty International. 2022. *Media Quote: IPCC and SOSMA*, <https://www.amnesty.my/2022/07/25/media-quote-ipcc-and-sosma/>
- Al-Mubarakfuri, *Tuhfatu al-Ahwazi*, t.t.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Syaraf al-Din. 1972. *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Lubnan: Dar Ihya al-Turath al-^cArabi, cetakan ke-2.
- Al-Syātibi, Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad. 2002. *Al-Muwafaqat fi Ushul al-Syariah*. Lubnan: *Dār al-Kutub al-Ilmiyyah*.
- Mustaffa, Aminuddin; Awang, Mohd Badrol; Nawang, Nazli Ismail & Md Isa, Yusramizza. 2020. *Preventive Detention of Children Under Malaysian Laws: A Case for Reform*, UUM Journal of Legal Studies 11(2), July 2020 (97-116).
- Az-Zuhayli, Muhammad Mustafa al-Zuhayli. 2006. *Al-Qawāid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqātiha fi al-Mazāhib al-Arba^cah, Dār al-Fikr*, Dimasyq, Syria.
- Dhanapal, S., & Sabaruddin, J. S. 2017. *Malaysia's prevention of Terrorism Act 2015*, A review, 25 (2), 1–804.
- Dix-Peek, D. and Werbeloff, M. 2018. *Evaluation of The Efficacy of A South African Psychosocial Model for The Rehabilitation of Torture Survivors*, Torture Journal, <https://doi.org/10.7146/torture.v28i1.105476> .
- Doubek, P. 2022. *Implementation of The Convention Against Torture in Taiwan: Filling The Gap in The International Struggle Against Torture?*, Asian Journal of International Law.
- Eidenmuller, Michael E.. 2021. *Eleanor Roosevelt: Address to the United Nations General Assembly*, American Rhetoric, terbitan 7 Julai 2012.
- Gross, Emanuel. 2001. *Human Rights, Terrorism and the Problem of Administrative Detention in Israel: Does a Democracy Have the Rights to Hold Terrorists as bargaining Chips*, 18(3) *Arizona Journal of International and Comparative Law*.
- Fariss, C.J. 2017. *The Changing Standard of Accountability and The Positive Relationship Between human Rights Treaty Ratification and Compliance*, *British Journal of Political Science*, <https://doi.org/10.1017/s000712341500054x>.
- Duan, Fengyu. 2017. *The Universal Declaration of Human Rights and the Modern History of Human Rights*, <https://osf.io/preprints/lawarchive/9uftm>

- Ghani, Halmi. 2019. *Cabaran Bahagian Jabatan Siasatan Narkotik IPD Pasir Puteh dalam Membanteras jenayah Rentas Sempadan di Perairan Malaysia (Pasir Puteh) (2013-2017)*, UUM.
- Hikmat ibn Basyir ibn Yasin, (1996), *Fathu al-Karim Mukhtasar Tafsir al-Quran al-Azhim*. Arab Saudi: Dar Ibnu al-Jauzi.
<https://archive.org/details/fat7-alkarim/page/n1/mode/2up>
- Hunt, P. 2019. *How to Advance Social Rights Without Jeopardising The Human Rights Act 1998: The Political Quarterly*,
<https://doi.org/10.1111/1467-923x.12686>
- Ibnu Asyur, Muhammad ibn Thahir. 2004. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Ibnu Kathir, Ismail ibn Amr ibn Kathir. 2016. *Tafsir Ibn Kathir*, Lebanon: Maktabah Dar al-Salam
- Ibnu al-Munzir, Abu Bakr Muhammad ibn Ibrāhim al-Naysāburi. 2004. *Al-Ijma'*, Kaherah: *Dār al-Āthār li al-Nasyar wa al-Tauzī'*.
- Kementerian Agama Republik Indonesia. 2016. *Tafsir Ringkas al-Quran al-Karim*, Lujnah Pentashihan Mushaf al-Quran, Kementerian Agama Republik Indonesia, Indonesia.
- Svensson, Kerstin & Gallo, Carina. 2020. *Saying or Doing Human Rights? A Study of Victim Support Sweden*, International Journal of Comparative and Applied Criminal Justice, Routledge Taylor & Francis Group.
- Kwang, H.P., Sabaruddin, J.S., & Dhanapal, S. (2017). The Impact of Anti-Terrorism Law and Policy on Criminal Justice System: A Case Study in Malaysia, *Malayan Law Journal Articles* 5 MLJ lxxxvi.
- Littman, David, (February/March 1999) 'Universal Human Rights and Human Rights in Islam'. *Midstream*.
- Lupu, Yonatan (2013). "Best Evidence: The Role of Information in Domestic Judicial Enforcement of International Human Rights Agreements". *International Organization*. 67 (3): 469-503. doi:10.1017/S002081831300012X. ISSN 0020-8183
- Abdul Mutalib, Luqman; Hashim, Hasnizam; Mamat, Zulfaqar; Baharuddin, Ahmad Syukran; Wan Ismail, Wan Abdul Fattah & Mohammed Hassan, Baidar. 2024. *Pendekatan Siasah Syari'iyah dalam proses Pembentukan Hukum Fiqh Semasa (Takyif al-Fiqhi) Berpandukan Model Fiqh al-Muwazanah: Kajian terhadap Isu Semasa Pandemik Covid-19*, *Jurnal al-Qanatir*, Vol 33. No. 4. July Issue.

- Majlis Peguam Malaysia. 2010. *Memorandum Berkenaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, lain-lain Perundangan berhubung Penahanan Tanpa Bicara dan Perundangan yang Berkaitan*, 19 Julai 2010. [https://www.malaysianbar.org.my/cms/upload_files/document/memo%20from%20BC.ISA%20&%20DWT%20laws%20\(BM\).19july10.pdf](https://www.malaysianbar.org.my/cms/upload_files/document/memo%20from%20BC.ISA%20&%20DWT%20laws%20(BM).19july10.pdf)
- Maskele, K., (2014), *Interpretation of Article One of The Convention Against Torture in Light of The Practice and Jurisprudence of International Bodies*, Beijing Law Review
- Al-Asyqar, Muhammad Sulaiman al-Asyqār. 2007. *Zubdatu al-Tafsīr min Fathi al-Qadīr, Wizarah al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islamiyyah*, Qatar.
- Hassan, Nur Ainul Munazah & Syed Annuar, Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. 2023. *Kebebasan Hak Asasi dalam Konteks Tahanan di Malaysia*, Jurnal Wacana Sarjana, Volume 7(5) November 2023: 1-20; e-ISSN 2600-9501
- Abdul Malek, Nur Farhana; Mohd Pauzi, Hezzrin & Awang Noh, Normah. 2021. *Pencegahan jenayah Pecah Rumah bagi Menjamin keselamatan masyarakat: Suatu pemerhatian Awal*, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanitis (MJSSH) Vol. 6, Issue 9, 310-320.
- Musa, Nurhafilah. 2017. *Ulasan Perundangan – Akta Pencegahan keganasan 2015*, ResearchGate, <file:///C:/Users/DELL/Downloads/UlasanPerundanganpota2015>
- Yatim, Rais. 1995. *Freedom Under Executive Power in Malaysia: A Study of Executive Supremacy*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Al-Syatiri, Sa'ad ibn Nasir al-Syathiri. T.t.. https://www.google.com/search?q=%D9%8A%D8%AA%D8%AD%D9%85%D9%84+%D8%A7%D9%84%D8%B6%D8%B1%D8%B1+%D8%A7%D9%84%D8%AE%D8%A7%D8%B5+%D9%84%D8%A3%D8%AC%D9%84+%D8%B1%D9%81%D8%B9+%D8%A7%D9%84%D8%B6%D8%B1%D8%B1+%D8%A7%D9%84%D8%B9%D8%A7%D9%85&oq=%D9%8A%D8%AA%D8%AD%D9%85%D9%84+%D8%A7%D9%84%D8%B6%D8%B1%D8%B1+%D8%A7%D9%84%D8%AE%D8%A7%D8%B5+%D9%84%D8%A3%D8%AC%D9%84+%D8%B1%D9%81%D8%B9+%D8%A7%D9%84%D8%B6%D8%B1%D8%B1+%D8%A7%D9%84%D8%B9%D8%A7%D9%85&gs_lcrp=EgZjaHJvb

WUyBggAEEUYOTIICAEQABgNGB4yBwgCEAAAY7wUyBwg
DEAAAY7wUyBwgEEAAAY7wUyBwgFEAAAY7wXSAQc2NzhqM
Go3qAIIIsAIB8QXqgQrD1zPEV_EF6oEKw9czxFc&sourceid=ch
rome&ie=UTF-8

- Naz, Safia & Shamsuddin, Johan. 2016. *Malaysian Preventive Detention Laws: Old Preventive Detention provisions Wrapped in New Packages*, Journal of Malaysian and Comparative Law, 43 (2) JMCL.
- A. Aziz, Shamrahayu. 2016. *Maqasid al-Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal*, Jurnal KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia.
- A. Aziz, Shamrahayu A. Aziz. 2015. *Keperluan Undang-undang Pencegahan Keganasan*, artikel, Berita Harian, 19/03/2015, akses laman sesawang
<https://www.ikim.gov.my/keperluan-undang-undang-pencegahan-keganasan/>
- SUHAKAM. 2022. *Penahanan Tanpa Bicara Bertentangan dengan Prinsip Hak Asasi Manusia*, (2022), Kenyataan Media No. 19-2022, 16 Disember 2022, https://suhakam.org.my/2022/12/press-statement-no-19-2022_detention-without-trial-goes-against-the-core-principles-of-human-rights-kenyataan-media-no-19-2022_penahanan-tanpa-bicara-bertentangan-dengan-prinsip-hak-asasi-manusia/
- Syabir, Uthman. 2008. *Al-Takyif al-Fiqhi li al-Waqi' al-Mustajiddah wa Tathbiqatihi al-Fiqhiyyah*, Dimashq: Darul Qalam.